



26 November 2019
26 November 2019
P.U. (A) 325

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

PERATURAN-PERATURAN KASTAM
(FI LESEN IMPORT KENDERAAN BERMOTOR)
(PINDAAN) 2019

*CUSTOMS (IMPORT LICENCE FEE FOR MOTOR VEHICLE)
(AMENDMENT) REGULATIONS 2019*

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA KASTAM 1967

PERATURAN-PERATURAN KASTAM (FI LESEN IMPORT KENDERAAN BERMOTOR)
(PINDAAN) 2019

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 142(15) Akta Kastam 1967 [Akta 235], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Kastam (Fi Lesen Import Kenderaan Bermotor) (Pindaan) 2019**.

(2) Peraturan-Peraturan ini disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2017 kecuali perenggan 2(a).

(3) Perenggan 2(a) disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 1 April 2017.

Pindaan peraturan 2

2. Peraturan-Peraturan Kastam (Fi Lesen Import Kenderaan Bermotor) 2016 [P.U. (A) 370/2016], yang disebut “Peraturan-Peraturan ibu” dalam Peraturan-Peraturan ini, dipinda dalam subperaturan 2(1)—

(a) dengan menggantikan perkataan “Perintah Kastam (Larangan Mengenai Import) 2012 [P.U. (A) 490/2012]” dengan perkataan “Perintah Kastam (Larangan Mengenai Import) 2017 [P.U. (A) 103/2017]”; dan

(b) dengan menggantikan perenggan (a) dengan perenggan yang berikut:

“(a) berhubung dengan tiga puluh lima ribu lesen import yang pertama diluluskan untuk keseluruhan syarikat AP terbuka bagi tempoh sah laku peruntukan AP tahun semasa,

sepuluh ribu ringgit bagi setiap unit kenderaan bermotor yang diimport oleh syarikat AP terbuka itu;”.

Pindaan peraturan 5

3. Peraturan 5 Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “dalam bentuk draf bank” dengan perkataan “dengan mengikut cara yang ditentukan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri”.

Dibuat 4 November 2019

[SULIT. KE. HF(152)860/01-2 Klt. 2(26); MOF.TAX(S)700-2/1/16 JLD.2 (20); PN(PU2)338/LIII]

LIM GUAN ENG
Menteri Kewangan

CUSTOMS ACT 1967

CUSTOMS (IMPORT LICENCE FEE FOR MOTOR VEHICLE) (AMENDMENT)
REGULATIONS 2019

IN exercise of the powers conferred by subsection 142(15) of the Customs Act 1967 [Act 235], the Minister makes the following regulations:

Citation and commencement

1. (1) These regulations may be cited as the **Customs (Import Licence Fee for Motor Vehicle) (Amendment) Regulations 2019**.

(2) These Regulations are deemed to have come into operation on 1 January 2017 except for paragraph 2(a).

(3) Paragraph 2(a) is deemed to have come into operation on 1 April 2017.

Amendment of regulation 2

2. The Customs (Import Licence Fee for Motor Vehicle) Regulations 2016 [P.U. (A) 370/2016], which are referred to as the "principal Regulations" in these Regulations, are amended in subregulation 2(1)—

(a) by substituting for the words "Customs (Prohibition of Imports) Order 2012 [P.U. (A) 490/2012]" the words "Customs (Prohibition of Imports) Order 2017 [P.U. (A) 103/2017]"; and

(b) by substituting for paragraph (a) the following paragraph:

"(a) in relation to the first thirty five thousand import licences approved for the whole of the open AP companies during the validity period of the current year's AP allocation, ten thousand ringgit for each unit of the motor vehicle imported by the open AP company;"

Amendment of regulation 5

3. Regulation 5 of the principal Regulations is amended by substituting for the words “in the form of a banker’s draft” the words “in a manner to be determined by the Secretary General of the Ministry of International Trade and Industry”.

Made 4 November 2019

[SULIT. KE. HF(152)860/01-2 Klt. 2(26); MOF.TAX(S)700-2/1/16 JLD.2 (20);
PN(PU2)338/LIII]

LIM GUAN ENG
Minister of Finance